



JAWATAN : **JURUFOTOGRAFI**
GRED : **B21**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **BAKAT DAN SENI**

JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,047.00	RM4,747.00	RM 115.00

ELAUN :

IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	BANTUAN SARA HIDUP
RM 115.00	RM 300.00	RM 350.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,418.12); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24).

2. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan
4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurufotografi Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b),1(c) dan 2; dan
 - (b)
 - (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM2, 047.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2, 597.00).
5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN :

1. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.
2. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
3. Calon yang aktif dalam bidang sukan adalah digalakkan untuk memohon.
4. Calon terbuka kepada Lelaki dan Wanita.

KRITERIA TAMBAHAN :

1. Calon yang mempunyai pengalaman bekerja dengan peralatan profesional seperti kamera DSLR, mirrorless, drone atau gimbal adalah satu kelebihan.
2. Calon yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian editing gambar/video seperti Adobe Lightroom/Final Cut Pro/Adobe Premiere Pro adalah satu kelebihan.
3. Calon yang boleh bekerja dalam suasana yang dinamik dan mampu memenuhi tarikh akhir projek yang ketat adalah diutamakan.
4. Calon perlu mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang dinyatakan sekurang-kurangnya 1 tahun.

DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab mengambil foto, mengedit, menyediakan *caption* dan menghantar foto aktiviti rasmi dan tidak rasmi untuk rujukan dan simpanan. Bertanggungjawab membuat liputan filem/video bersuara atau tidak, membuat penggambaran rancangan khas, menyediakan peralatan, menjaga kebersihan studio dan menjaga keselamatan peralatan di dalam dan di luar jabatan.